

CBP MEMPERKENALKAN PRODUK TAKAFUL SECARA ATAS TALIAN

1. Co-opbank Pertama (CBP) telah memperkenalkan produk takaful kemalangan diri iaitu Takaful CBP Protect secara atas talian bermula 01 Mei 2025 melalui laman sesawang CBP.
2. Penawaran secara digital ini merupakan salah satu penambahbaikan bagi produk Takaful CBP Protect ini yang telah diperkenalkan pada tahun 2023.
3. Produk ini diperkenalkan secara atas talian untuk menarik minat pelanggan terutama generasi muda yang memerlukan perlindungan komprehensif pada harga mampu milik dan proses penyertaan yang mudah serta cepat tanpa memerlukan pemeriksaan kesihatan.
4. Ketua Pegawai Komersial CBP, Mohd Faris Kamarudin, berkata CBP telah menjalinkan kerjasama dengan Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) dan rakan strategik, Senang io serta Sedania As Salam Capital sebagai pengendali platform digital untuk penambahbaikan ini.
5. "Melalui proses digitalisasi ini, CBP boleh memperkukuhkan kehadiran dalam pasaran digital serta menarik lebih ramai pelanggan untuk melanggan Takaful CBP Protect dengan lebih mudah dan pantas", katanya dalam satu kenyataan hari ini.
6. CBP amat komited untuk terus membangunkan produk dan perkhidmatan yang mampu milik secara atas talian bagi menarik semua terutamanya golongan muda yang memerlukan perlindungan.

-TERIMA KASIH-

Mengenai Co-opbank Pertama

Co-opbank Pertama (CBP) ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai sebuah co-opbank. CBP terus berkembang dengan kini mempunyai sebanyak 35 cawangan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cbp.com.my.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Jabatan Komunikasi Korporat, Co-opbank Pertama

ukk@cbp.com.my